

06 JUL 2000

## KEBEBASAN BPR TIDAK TERJEJAS AKIBAT TEGURAN MANA-MANA PIHAK

LANGKAWI, 6 Julai (Bernama) -- Kebebasan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan tugas dan tanggungjawab tidak pernah terjejas akibat teguran, kritikan dan nasihat mana-mana pihak.

Ketua Pengarah BPR Datuk Ahmad Zaki Hussin hari ini berkata beliau tidak pernah menganggap kritikan itu sebagai campurtangan terhadap fungsi badan itu.

"Saya sebagai Ketua Pengarah sentiasa bersifat terbuka kepada teguran, nasihat dan kritikan dari mana-mana pihak," katanya kepada pemberita selepas melawat Pejabat BPR Langkawi di sini.

Selama ini pelbagai pihak mengkritik dan menegur badan itu sama ada dalam ceramah politik, kritikan individu tertentu yang disiarkan melalui media, Internet dan Parlimen dan juga kritikan melalui mahkamah dalam perbicaraan kes-kes yang didakwa BPR, katanya.

"Jika mereka boleh berbuat demikian, mengapa tidak Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang menjadi ketua kerajaan untuk memberi nasihat, menegur dan mengkritik BPR yang dalam pemikiran beliau apa yang kita lakukan tak proper," kata Ahmad Zaki.

Katanya sepanjang hubungan lebih setahun dengan Perdana Menteri, memang beliau ada memberi nasihat, teguran dan kritikan atas tindakan BPR.

Tetapi sepanjang pengalamannya sehingga hari ini, Ahmad Zaki berkata tidak pernah Perdana Menteri menyuruh BPR menyiasat atau tidak menyiasat mana-mana orang ataupun menutup mana-mana kes.

"Tidak sedikit pun saya anggap dia interfering in my job. Semuanya akan ditimbang dan saya membuat keputusan mengikut apa yang dikehendaki undang-undang," katanya.

Ahmad Zaki berkata penyiasatan kes oleh BPR adalah sensitif dan pegawai BPR diarah menjalankan siasatan secara rahsia dan profesional.

Beliau berkata BPR sedang merangka beberapa pendekatan untuk menangani gejala rasuah di sektor swasta termasuk syarikat multinasional berikutan tahap kerjasama di kalangan sektor berkenaan bagi menangani kesalahan rasuah di negara ini masih rendah.

Katanya kerjasama mereka amat penting bagi menangani gejala itu kerana mereka menjadi penyumbang paling besar dalam salah laku itu.

"Saya berpendapat jumlah maklumat dan aduan yang telah dikemukakan kepada BPR setakat ini tidak banyak. Perlu ada usaha untuk menimbulkan kesedaran sektor berkenaan mengenai bahaya rasuah kerana apabila berlaku rasuah mereka akan menanggung kerugian jutaan ringgit," katanya.

Ini menyebabkan ada syarikat tertentu yang terpaksa meminta bantuan BPR meletakkan pegawainya bekerja dalam syarikat mereka untuk menangani gejala rasuah di dalam syarikat.

Bagi menimbulkan kesedaran mengenai bahaya rasuah, BPR akan menganjurkan seminar membabitkan sektor kewangan yang menjadi perantara dalam gejala itu untuk meningkatkan kesedaran mereka berhubung masalah rasuah dalam bank.

BPR juga merancang mengadakan seminar yang serupa membabitkan syarikat multinasional yang akan menekankan kepada fakta bahawa rasuah kepada sektor awam tidak akan berlaku jika mereka tidak bertindak sebagai pemberi.

Ahmad Zaki juga berkata ada jabatan kerajaan yang memohon untuk mengadakan kerjasama persefahaman seperti yang dilaksanakan dengan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

-- BERNAMA

NH AHH LAT